

Khamis – 03 September 2020

Halaman : 33

UTUSAN MALAYSIA  
KHAMIS • 3 SEPTEMBER 2020

33

Dalam Negeri

Banjir lumpur 1996 rugut lebih 40 nyawa

## Pos Dipang bangkit selepas tragedi

Oleh SAYED HESHAM IDRIS  
sayed.hisham@mediamulia.com.my

**KAMPAR:** Dua hari sebelum sambutan Hari Kebangsaan ke-39 pada tanggal 29 Ogos 1996, berlaku tragedi bencana banjir lumpur mengorbankan lebih 40 nyawa penduduk Orang Asli di penempatan mereka di Pos Dipang di sini.

Kejadian itu bukan sahaja menyebabkan kehilangan banyak nyawa, malah memusnahkan hampir kesemua rumah penduduk di penempatan yang dibina di tepi Sungai Dipang.

Kini, selepas 24 tahun, Pos Dipang sudah berubah wajah sepenuhnya, jauh berbeza berbanding sebelum tragedi banjir lumpur.

Bagi seorang penduduk Pos Dipang, Apa A/L Bengal, 71, dia merupakan antara orang lama di penempatan itu yang melihat perubahan di penempatan itu sejak tragedi banjir lumpur.

Ketika kejadian, Apa bertugas sebagai Pembantu Luar Kanan, Pembantu Pendidikan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA).

Walaupun tidak melalui detik cemas ketika banjir lumpur melanda, dia dapat menyelami trauma yang dialami kerana dia merupakan pegawai yang bertanggungjawab mengumpul semua keterangan daripada mangsa kejadian.

Menurut Apa, berbanding



PENEMPATAN baharu penduduk di Pos Dipang yang dibina selepas tragedi banjir lumpur 24 tahun lalu.  
- UTUSAN/ZULFACHRI ZULKIFLI

sebelum tragedi banjir lumpur, penempatan Pos Dipang hanyalah sebuah penempatan biasa dengan kebanyakan rumah penduduk merupakan rumah tradisional.

Katanya, ketika itu jalan masuk ke penempatan itu hanya jalan tanah yang sukar dimasuki kenderaan terutama jika hujan.

Namun katanya, selepas 26 tahun, keadaan di Pos Dipang sudah berubah kepada sebuah penempatan yang tidak lagi ketinggalan dari arus pembangunan.

"Banyak hikmah selepas

tragedi itu. Selepas tragedi itu berlaku, penempatan penduduk dipindahkan ke kawasan yang lebih tinggi dan selamat iaitu kira-kira satu kilometer dari penempatan mereka yang musnah.

"Penempatan baharu itu bermula dengan pembinaan 53 buah rumah dan bertambah dari semasa ke semasa kerana penduduk yang kediaman mereka tidak terjejas akibat banjir lumpur, turut diarahkan berpindah kerana rumah mereka berdekatan Sungai Dipang.

"Ketika itu, rumah di penem-

patan baharu cuma bersaiz (24 kaki x 10 kaki) namun dengan peningkatan ekonomi, ada penduduk membesar kan kediaman mereka untuk lebih selesa. Penduduk di sini keseluruhannya lebih 600 orang ketika ini.

"Laluan masuk ke sini sepanjang empat kilometer dari jalan besar kini sudah dibina jalan tar yang memudahkan penduduk keluar masuk," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Menurut Apa, bukan setakat itu sahaja, perkampungan yang dilengkapi bekalan air dan elektrik itu memperlihatkan ekono-




APA BENGAL

mi penduduknya yang baik apabila hampir setiap rumah mempunyai kereta.

Paling membanggakan Apa ialah aspek pendidikan anak-anak Orang Asli di penempatan itu yang semakin meningkat.

Beliau yang merupakan Yang Dipertua (YDP) Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan Pos Dipang berkata, bangunan sekolah di penempatan itu dibina baharu selepas tragedi banjir lumpur.

"Dahulu murid sekolah ini sekitar 40 hingga 50 orang tapi sekarang ada 110 murid. Pencairan dalam peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) meningkat apabila ada yang mendapat 5A dan 4A manakala peratus kelulusan UPSR pula sekitar 30 hingga 40 peratus," katanya.



APA Bengal menunjukkan Sungai Dipang tempat berlakunya banjir lumpur dalam kejadian 24 tahun lalu di Pos Dipang di Kampar baru-baru ini.

## Trauma lihat awan mendung

**KAMPAR:** Setiap kali cuaca mendung, langit gelap atau hujan berpanjangan, Apa Bengal yang usianya lebih separuh abad dan penduduk Orang Asli Pos Dipang mula dihantui kebimbangan berulangnya tragedi banjir lumpur yang mengorbankan lebih 40 nyawa pada 1996.

Peristiwa itu masih terbayang dalam kalangan mereka yang terselamat, menyaksikan air bercampur lumpur dari pergunungan mengalir deras, merempuh dan memusnahkan rumah mereka menyebabkan suami, isteri dan anak-anak menjadi duda, baliu dan yatim piatu.

Apa mengakui masih trauma dengan tragedi yang berlaku pada petang 29 Ogos 1996 ketika hujan renai.

Katanya, setiap kali cuaca mendung, dia dan beberapa

orang kampungnya yang terselamat dalam tragedi itu akan mengingatkan anak-anak mereka supaya berwaspada dan bersiap sedia kemungkinan tragedi sama berulang.

"Tragedi itu sudah 24 tahun. Orang muda tak tahu mengenainya, cuma orang tua-tua sahaja yang masih ingat."

"Mereka yang melihat sendiri bagaimana dahsyatnya tragedi itu masih trauma sehingga setiap kali cuaca mendung dan musim hujan, mereka akan saling mengingatkan orang lain supaya berwaspada, bimbang tragedi sama berulang," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Menurut Apa, kesan daripada tragedi itu masih jelas kelihatan antaranya tapak rumah penduduk di penempatan asal mereka berdekatan Sungai Dipang.

Katanya, masih terdapat bongkah batu bersaiz besar dan kecil serta kayu yang dianyutkan semasa banjir lumpur itu.

Jelasnya, masih kelihatan beberapa batang kayu besar yang tersangkut di dalam Sungai Dipang yang diheret bersama banjir lumpur.

"Selepas tragedi banjir lumpur, sebuah benteng batu dibina di tepi Sungai Dipang supaya air tidak naik sehingga ke penempatan baharu penduduk."

"Namun pernah berlaku kira-kira lima tahun lalu air Sungai Dipang naik sehingga menyebabkan benteng batu ini pecah."

"Mujur kejadian itu tidak seburuk tragedi banjir lumpur sebelum ini," katanya yang kehilangan ibu mentuanya yang terkorban selepas enggan meninggalkan kediamannya semasa kejadian.